

23/01/1998

Wanita BN lancar dana pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Khamis - Wanita Barisan Nasional (BN) akan melancarkan satu dana bagi menggalakkan wanita di negara ini menabung dan melabur untuk membantu pulihkan ekonomi negara.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata wang yang dikumpul akan digunakan untuk tujuan pelaburan dan projek usaha sama serta pelbagai projek sosial bagi kepentingan wanita di negara ini.

Menurutnya, pelancaran dana yang dianjurkan bersama Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Managers Bhd itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 8 Februari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

"Dana itu terbuka kepada semua kaum, lelaki dan wanita berumur 18 tahun ke atas.

"Ia akan dikendalikan oleh pengurus dana bertauliah yang bertanggungjawab mengenal pasti jenis pelaburan dan projek usaha sama yang akan dilaksanakan," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

(END)